

PRAKTIS NOVEL: JALAN KE PUNCAK (TINGKATAN 2)

Nilai:

- Kecekalan
- Keprihatinan
- Bekerjasama

Berdasarkan novel Jalan Ke Puncak, **huraikan contoh peristiwa berdasarkan nilai** yang dinyatakan di atas.

Berdasarkan _____ Jalan Ke Puncak, contoh peristiwa berdasarkan nilai _____ ialah Laiman tabah dan cekal hati menerima tentangan hebat daripada ayahnya sendiri, iaitu _____. Pak Kiassim marah akan keputusan yang diambil oleh anaknya itu yang menolak tawaran kerja di jabatan _____, malah dia memilih untuk berdikari dan bekerja sendiri tanpa bergantung pada kerajaan semata-mata.

Selepas itu, contoh peristiwa berdasarkan nilai _____ ialah Abang Mail sering bertanya _____ projek yang sedang diusahakan oleh adiknya, Laiman. Abang Mail juga kerap memberikan _____ perangsang supaya Laiman terus bersemangat dan tidak mudah berputus asa. Abang Mail mahu adiknya itu terus _____ dengan bersungguh-sungguh sekiranya ingin berjaya dalam pekerjaannya itu.

Seterusnya, contoh peristiwa berdasarkan nilai _____ ialah Milan menjadi tonggak utama kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh _____. Milan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Laiman bagi memastikan setiap

projek yang diusahakan oleh mereka _____ kejayaan seperti yang diidam-idamkan.

kerajaan	berusaha	novel
bekerjasama	keprihatinan	Laiman
kata-kata	mencapai	Pak Kiassim
perkembangan	kecekalan	